



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 14 OKTOBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	AYAM BELANDA LUBUK REZEKI GRADUAN UNIVERSITI AS, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	REKOD LEPASKAN 1.6 JUTA BENIH UDANG SERENTAK DI 7 DAERAH, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	PEMANDU E-HAILING LAYAK 600 LITER SEBULAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, NEGERI, M/S – 9	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4.	600 LITRES FOR E-HAILING DRIVERS UNDER BUDI95 SCHEME, NATION, THE STAR, M/S – 9	
5.	SEMBILAN BARANGAN TERSENARAI, BAWANG MERAH KECIL INDIA DITAMBAH BAWAH SHMMP DEEPAVALI 2025, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 19	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Ayam belanda lubuk rezeki graduan universiti AS

Padang Rengas: Keputusan menceburi bidang penternakan tidak pernah dikesali seorang graduan lepasan universiti dari Amerika Syarikat (AS) yang kini bergiat aktif dalam penternakan serta pengkomersialan ayam belanda atau ayam piru, di sini, secara sepenuh masa.

Santing Agri Farm di Kampung Lalang, yang diusahakan Mohamad Zainul Hilmi Mohamad Wajdi, 33, sejak tahun 2018 kini menternak kira-kira 2,000 ayam belanda selain beberapa ternakan lain, termasuk puluhan lembu serta biri-biri jenis Barbados Blackbelly.

Ladang seluas dua hektar diusahakan Mohamad Zainul turut menjual makanan dan barangan ternakan untuk unggas serta ruminan di ladang. Ia termasuk dedak bokashi, bahan kompos organik yang dihasilkan melalui proses penapaian (fermentasi) dan dihasilkan dengan formulasi tersendiri.

Lepasan bidang psikologi dari University of Iowa, AS itu berkata, semuanya berputik daripada minatnya yang menggemari haiwan eksotik.

Pada masa sama, sejurus tamat pengajian universiti, beliau diamanahkan mengambil alih tanah yang sebelum itu diusahakan oleh ibunya dengan tanaman pertanian.

"Emak saya membuka tanah ini sejak 2013 untuk tanaman

2030 PERAK SEJAHTERA

fertigasi seperti cili, terung dan kacang bendi. Selepas saya ambil alih, saya ubah fokus kepada penternakan kerana minat terhadap haiwan," katanya ketika ditemui BH.

Beliau berkata, ayam piru atau nama saintifiknya, *meleagris gallopavo* kini mendapat permintaan tinggi khususnya, ketika menyambut beberapa perayaan seperti Deepavali dan Krismas.

"Pada Ogos 2018, saya bermula dengan 80 ekor ayam belanda. Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2020, permintaan meningkat dan ada pelanggan yang mula menjalin usaha sama untuk mendapatkan bekalan tetap setiap bulan hingga sekarang," katanya.

Menurutnya, permintaan tinggi turut dipacu oleh peraturan semasa yang melarang import ayam belanda dari luar negara bagi membendung penularan wabak.

Beliau berkata, bimbingan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sangat membantunya pergi jauh, selain bantuan daripada



Mohamad Zainul Hilmi memperagakan gimik memotong hidangan daging ayam belanda bersaiz 15kg yang ditenak pada majlis perkahwinannya yang berlangsung Januari lalu.



(Foto ihsan Mohamad Zainul Hilmi)

beberapa lagi agensi termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Geran Agropreneur Muda RM15,000.

"Geran daripada MAFI yang saya terima pada 2019 digunakan untuk tambah baik kandang, menambah beberapa mesin selain turut menambah bilangan ternakan.

"JPV pula banyak membantu, termasuk dari segi padanan perniagaan," katanya.

Beliau mengakui, industri ayam belanda masih kurang diberi perhatian kerana dikategorikan sebagai 'aneka' dan bukan 'unggas', namun yakin potensinya besar memandangkan bekalan tempatan masih belum mencukupi.

"Walaupun ia bukan makanan rutin rakyat Malaysia, ayam belanda ada pasaran khusus tersendiri. Dagingnya juga digemari kerana rasanya di antara ayam dan kambing," katanya.

Jelasnya lagi, pengalaman lebih lapan tahun dalam bidang itu

akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk membantu memperkukuh sekuriti makanan negara.

Mohamad Zainul turut menyifatkan, pulangan daripada penternakan yang dijalankan amat berbaloi, berbanding kerjaya asal dalam bidang psikologi.

JPV diletakkan sebagai agensi penaraju dalam pelan pembangunan negeri, Pelan Perak Sejahtera 2030 cetusan ilham Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad menerusi *flagship* Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	19



Zahari (dua dari kanan) melepaskan benih udang galah yang dijalankan serentak di lima lembangan sungai utama di Johor.
(Foto FB Zahari Sarip)

Rekod lepaskan 1.6 juta benih udang serentak di 7 daerah

Johor Bahru: Sejumlah 1.6 juta ekor benih udang galah dilepaskan secara serentak di tujuh daerah di negeri ini, sekali gus diiktiraf *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai 'Pelepasan Benih Udang Galah Terbanyak di Malaysia'.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri,

Datuk Zahari Sarip, berkata pelepasan dilaksanakan serentak di tujuh daerah iaitu Segamat, Kluang, Muar, Tangkak, Batu Pahat, Mersing dan Kota Tinggi.

"Kita lepaskan benih udang galah ini di lima lembangan sungai utama menempatkan komuniti nelayan darat iaitu Sungai Muar, Sungai Ulu Benut, Sungai Sembrong,

Sungai Telor dan Sungai Lenggur.

"Program ini bukan sekadar simbolik pelepasan benih semata-mata. Ia manifestasi komitmen kerjasama strategik bersama antara kerajaan negeri, jabatan dan komuniti nelayan darat untuk memulihara serta memelihara sumber perikanan air tawar di Johor," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2025	UTUSAN MALAYSIA	NEGERI	9

Pemandu e-hailing layak 600 liter sebulan

PUTRAJAYA: Kerajaan bersetuju menaikkan siling penggunaan bagi pemandu e-hailing sepenuh masa sekali ganda kepada 600 liter sebulan.

Kementerian Kewangan berkata, pihaknya telah menyemak silang data bersama Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) yang melibatkan lebih 53,900 individu yang akan menerima kenaikan siling kelayakan tersebut.

“Selain itu, lebih 11,400 lagi pemegang lesen memandu kini layak menerima BUDI95 iaitu pemandu yang baru mendapat lesen (11,200) dan pemandu yang telah memperbaharui lesen (260), menjadikan lebih 16 juta rakyat Malaysia menerima manfaat BUDI95,” katanya semalam.

Kenyataan itu juga menyebutkan, subsidi bersasar Budi Madani RON95 kini diperluaskan kepada lebih 1,400 peng-

guna bot persendirian berdaftar di Sarawak.

Katanya, jumlah itu berdasarkan data yang diperoleh daripada Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dan agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan.

Sebelum ini, kelayakan BUDI95 diperluaskan kepada pengguna bot di Sabah dan mereka yang berdaftar di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) minggu lalu.

Kementerian Kewangan berkata, kerajaan kekal komited memastikan program subsidi bersasar ini berjalan dengan lancar, telus dan memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.

Kementerian itu bersama agensi berkaitan akan terus memantau pelaksanaan BUDI95 dan melaksanakan penambahbaikan dari semasa ke semasa.

600 litres for e-hailing drivers under Budi95 scheme

PETALING JAYA: Full-time e-hailing drivers can buy up to 600 litres of RON95 petrol per month under the Budi95 scheme, the Finance Ministry has announced.

This move to double the limit for the e-hailing drivers is part of ongoing improvements to the scheme.

"For full-time e-hailing drivers, more than 53,900 individuals will

now benefit from the increased quota of 600 litres," the ministry said in a statement yesterday.

Besides that, the ministry said that the Budi95 fuel subsidy is now extended to registered boat operators in Sarawak.

Last week, it was opened to boat users in Sabah registered under the Malaysian Fisheries Development Authority.

"Based on data obtained from

the Sarawak Rivers Board and related state agencies, there are over 1,400 registered private boat users in the state," the ministry said.

In other gradual improvements, the ministry said over 11,400 new licence holders are now eligible for Budi95.

"These include 11,200 new drivers and 260 renewed licences, bringing the total number of

Malaysians benefiting from Budi95 to over 16 million," according to the statement.

As of 4pm on Wednesday, only 10 million people had benefited from the Budi95 subsidy.

"The government remains committed to ensuring that this targeted subsidy programme operates smoothly and transparently and continues to benefit the people," the ministry said.

The public may refer to the Frequently Asked Questions (FAQ) section on the official Budi Madani portal or contact the hotline at 1-300-88-9595 and WhatsApp +603-2631 4595 for further information.

The portal also features a transaction history function accessible via MyDigital ID to ensure the protection of users' personal data.

Sembilan barangan tersenarai

Bawang merah kecil India ditambah bawah SHMMP Deepavali 2025

Oleh ASYIKIN ASMIN
KOTA KINABALU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyenaraikan sembilan barangan termasuk bawang merah kecil India di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2025.

Menterinya Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pelaksanaan skim tersebut berkuat kuasa dari 16 hingga 22 Oktober ini.

"Tempoh pelaksanaan ialah selama tujuh hari iaitu empat hari sebelum perayaan, satu hari semasa perayaan dan dua hari selepas perayaan.

"Bagi tahun ini, sebanyak sembilan jenis barangan akan dikawal di bawah Skim ini, berbanding lapan jenis barangan pada SHMMP Deepavali 2024.

"Jenis barangan yang ditambah untuk tahun ini adalah bawang merah kecil India. Barangan yang terlibat ialah daging kambing biri-biri bertulang

import, tomato, cili merah, bawang merah kecil India, bawang merah kecil India (Ros), bawang merah besar import, kacang dal (Australia), kelapa biji (harga maksimum di peringkat borong sahaja) dan kelapa parut (harga maksimum di peringkat runcit sahaja)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar pelancaran SHMMP Deepavali 2025 di Sabah International Convention Center (SICC) di sini pada Isnin.

Armizan berkata, pelaksanaan SHMMP Deepavali 2025 kali ini adalah bersesuaian mengikut keadaan semasa iaitu mewujudkan suasana menang-menang kepada pengguna dan peniaga.

"Pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan dan peniaga pula tidak tertekan dengan tempoh masa pelaksanaan yang terlalu lama.

"Selain faktor-faktor seperti permintaan serta penawaran, kos semasa, cuaca dan kadar upah, penentuan senarai barangan, paras harga maksimum dan tempoh pelaksanaan dibuat dengan mengambil kira pandangan daripada rakan strategik seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), agensi-agensi kerajaan dan pemain-pemain industri," katanya.

Dalam pada itu, Armizan turut menegaskan bahawa KPDN sentiasa menjalin kerjasama dengan KPKM bagi memastikan



Armizan menunjukkan harga maksimum barangan mengikut SHMMP Deepavali 2025 selepas mengadakan sidang akhbar di SICC pada Isnin.

bekalan barangan yang dikawal adalah mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan skim.

"SHMMP Deepavali 2025 akan dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan membolehkan penentuan harga dibuat.

"Harga maksimum yang telah ditetapkan untuk SHMMP

Deepavali 2025 di peringkat pemborong dan peruncit boleh disemak melalui laman web KPDN di www.kpdn.gov.my.

"Pegawai-pegawai Penguat Kuasa KPDN di seluruh negara akan ditugaskan di lokasi-lokasi strategik seperti di pasar awam, pasar tani dan pusat membeli-belah barangan keperluan perayaan sepanjang tempoh Skim

bagi memastikan kepatuhan peniaga kepada perundangan berkaitan.

"Pada masa yang sama, penguatkuasaan secara berhemah dilaksanakan dengan memberi pendidikan, nasihat dan amaran supaya para peniaga mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa dan mengamalkan perniagaan yang beretika," katanya.